

30 SEP 1998

Ghani-Singapura

MEDIA S'PURA GUNA ISU ANWAR BURUKKAN MALAYSIA

JOHOR BAHRU, 30 Sept (Bernama) -- Media cetak dan elektronik di Singapura telah menggunakan isu pemecatan dan penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim serta rusuhan oleh penyokongnya baru-baru ini untuk memburuk-burukkan Malaysia, kata Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman.

Beliau berkata peranan media republik itu yang ternyata simpati terhadap Anwar sengaja memberi gambaran yang tidak baik terhadap Malaysia.

"Apakah sudah sekian lama mencari isu di Malaysia dan baru sekarang jumpa isu yang boleh digunakan," kata Abdul Ghani pada persidangan berita di sini hari ini.

Menurut beliau, rakyat perlu menyedari hakikat itu kerana dulu spekulator mata wang digunakan untuk menekan Malaysia dan kini timbul pula "rangkaian Anwar" sama ada di Singapura, London atau Washington yang digerakkan untuk tujuan sama.

"Singapura paling ghairah untuk memburukkan Malaysia melalui setiap perkembangan yang berlaku terhadap Anwar," katanya.

Abdul Ghani berkata laporan sedemikian turut menjejaskan peluang pelaburan di Johor terutama dalam sektor hartanah.

"Laporan yang saya terima terdapat rakyat Singapura yang hendak membeli rumah di sini tetapi mereka ingin tahu sama ada ia selamat atau tidak," katanya.

Menurutnya, laporan media republik itu terbukti mempunyai kesan negatif dan menjejaskan peluang pelaburan.

Bagaimanapun, beliau berkata masalah hubungan "tegang dan kendur" antara Malaysia-Singapura merupakan satu fenomena biasa yang dilalui oleh kedua-dua negara sejak dari dahulu.

Beliau berkata rakyat harus menyedari bahawa aset paling berharga ialah perpaduan rakyat negara ini sehingga tidak timbul sebarang perbalahan antara kaum serta menjejaskan sistem demokrasi yang diamalkan.

Abdul Ghani juga kesal gerakan menabur dakyah, fitnah dan khabar angin dilakukan dengan sewenang-wenangnya melalui Internet dan menyifatkannya sebagai keterlaluan.

"Mereka akan mencari setiap isu yang boleh untuk menjejaskan nama baik negara dan Dr Mahathir. Akan tiba masanya nanti Internet akan hilang pengaruhnya," katanya.

-- BERNAMA

MKO MAI